

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

TARIKH : 08/01/2013

MS : 01

Hala tuju penjawat awam


Perdana Menteri gariskan ^{08/01/2013 ms um} tujuh keutamaan tahun 2013

● Datuk Seri Najib Tun Razak menggariskan tujuh hala tuju yang harus diberikan keutamaan oleh penjawat awam bagi meneruskan kejayaan dan kecemerlangan negara.

● Antara hala tuju itu ialah memastikan perpaduan nasional diperkukuhkan berpaksikan Gagasan 1Malaysia dan menguruskan ekonomi dengan baik bagi menjamin pertumbuhannya.

● Perdana Menteri turut mahukan Bajet 2013 dilaksanakan dengan lancar, berkesan dan mengikut jadual, selain memastikan semua program transformasi negara dilaksanakan.

● Beliau turut mengingatkan semua menteri dan kementerian supaya memastikan indeks prestasi utama dicapai sepenuhnya dan penjawat awam memberi penekanan kepada produktiviti.

 Berdasarkan kejayaan yang kita capai pada 2012, kita buka lembaran baru 2013 ini dengan semangat produktiviti tinggi untuk bersama-sama jadinya sebagai tahun yang cemerlang dalam sejarah negara.

- NAJIB TUN RAZAK

> BERITA DI MUKA 3

■ PM mahu penjawat awam jadikan 2013 lebih hebat

ME1PD MS 12 8/1/2013

Oleh Hayati Ibrahim

ya_t@hmetro.com.my

Putrajaya

Perdana Menteri menggariskan tujuh hala tuju yang perlu diberi tumpuan oleh semua penjawat awam bagi memastikan kejayaan lebih besar dan memberangsangkan dapat dicapai sepanjang tahun ini.

Datuk Seri Najib Razak berkata, walaupun sudah banyak kejayaan dicatat sepanjang 2012, tetapi penjawat awam perlu mengukuhkan lagi tekad dan keazaman untuk menjadikan 2013 lebih hebat.

Sehubungan itu, katanya, tujuh hala tuju yang diperlu diberi tumpuan termasuklah memastikan perpaduan dan jati diri nasional diperkukuhkan lagi berpaksikan Gagasan 1Malaysia apabila setiap rakyat dan individu tanpa mengira siapa, keturunan dan wilayah merasakan kerajaan sekarang adil, saksama dan bersifat inklusif.

“Selain itu, kita mesti memastikan segala ketetapan dibuat dalam Bajet 2013 dilaksanakan mengikut jadual dan semua berjalan lancar, licin serta berkesan.

“Pengurusan ekonomi negara pula mesti menjurus kepada meneruskan usaha dan strategi mencapai kadar pertumbuhan tinggi serta

memastikan kekayaan atau hasil tambahan itu diagih kepada rakyat secara adil dan saksama agar dirasai semua,” katanya ketika berucap pada perhimpunan bulanan Jabatan Perdana Menteri (JPM) di sini, semalam.

Hadir sama, Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin dan Ketua Setiausaha Negara (KSN), Datuk Seri Ali Hamsa, serta semua menteri dan timbalan menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Najib berkata, agenda transformasi negara terma-

suk Program Transformasi Kerajaan (GTP), Program Transformasi Ekonomi (ETP) dan Inisiatif Pembaharuan Strategik (SRI) juga perlu diberi tumpuan kerana ia terbukti memberi kejayaan dan kepuasan kepada rakyat serta memberi suntikan besar kepada pertumbuhan ekonomi negara.

Pada masa sama, katanya, pelbagai program yang diputuskan seperti Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM), Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS), 1Malaysia Youth For You (1M4U) dan Pusat Panggilan 1Malaysia (1MO-CC) perlu dilaksanakan sepenuhnya.

FAKTA

Pastikan perpaduan dan jati diri nasional diperkukuhkan lagi berpaksikan Gagasan 1Malaysia

AKHBAR : KOSMO

TARIKH : 08/01/2013

MS : 04

kusmo ms4 8/1/2013

PM tegaskan hala tuju penjawat awam di tahun baharu

Pastikan kelancaran Bajet 2013

PUTRAJAYA - Datuk Seri Najib Tun Razak dalam menegaskan hala tuju penjawat awam untuk tahun ini, mahu mereka memastikan Bajet 2013 dilaksanakan dengan cekap dan lancar dengan memberi tumpuan kepada agenda transformasi negara yang memberi kesan dan kepuasan kepada rakyat.

Perdana Menteri berkata, sesuai dengan belanjawan (bertemakan "Memakmur Negara, Mensejahtera Rakyat: Sebuah Janji Ditepati") sudah tentunya beliau mahu kesinambungan dalam penambahbaikan sistem penyampaian kerajaan dari penjawat awam mem-

beri penekanan kepada pelaksanaan Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS).

"Hala tuju yang berteraskan intipati Bajet 2103 ini akan secara langsung memberi suntikan besar kepada pertumbuhan ekonomi negara melalui pengurusan ekonomi yang baik," katanya pada perjumpaan bulanan pertama tahun 2013 dengan petugas Jabatan Perdana Menteri di Dataran Perdana Putra di sini semalam.

Beliau berkata, ia merupakan hala tuju yang perlu diberi penekanan oleh semua penjawat awam ke arah menjadikan 2013 sebagai tahun yang amat ce-

merlang dalam lipatan sejarah negara.

Perpaduan dan jati diri nasional perlu diperkukuh berpaksi kepada gagasan 1Malaysia agar rakyat daripada segenap lapisan masyarakat dapat merasakan bahawa kerajaan hari ini sememangnya dipimpin oleh sebuah kerajaan yang adil, saksama dan bersifat inklusif, katanya.

Menurut beliau, pertumbuhan baik ekonomi negara yang berterusan menuntut kepada pengurusan yang baik agar dapat memastikan bahawa kekayaan negara diagih kepada seluruh rakyat berasaskan kepada keadilan sosial. - Bernama



NAJIB menyampaikan ucapan kepada penjawat awam pada Perhimpunan Bulanan Jabatan Perdana Menteri di Dataran Perdana Putra, Putrajaya semalam.

Tujuh hala tuju keutamaan penjawat awam sepanjang 2013

Teruskan kecemerlangan - PM

Oleh **NORLIZA ABD. RAHMAN**
pengarang@utusan.com.my

PUTRAJAYA 7 Jan. - Datuk Seri Najib Tun Razak menggariskan tujuh hala tuju yang harus diberi keutamaan oleh penjawat awam sepanjang 2013 sejajar dengan hasrat meneruskan kejayaan dan kecemerlangan negara.

Hala tuju pertama, kata Perdana Menteri, adalah memastikan perpaduan nasional dan jati diri nasional terus diperkukuhkan berpaksikan Gagasan Malaysia di mana setiap rakyat dapat merasakan kerajaan Barisan Nasional (BN) adalah kerajaan yang adil, saksama dan bersifat me-

nyeluruh.

Kedua, katanya, menguruskan ekonomi dengan baik untuk memastikan pertumbuhannya terus berkembang dan pengagihan kekayaan kepada rakyat berdasarkan prinsip keadilan sosial.

"Ketiga, segala ketetapan dalam Bajet 2013 dilaksanakan dengan licin, lancar dan berkesan mengikut jadual yang telah ditetapkan," katanya ketika berucap menyampaikan amanat tahun baru sempena perhimpunan bulanan bersama warga Jabatan Perdana Menteri di sini hari ini.

Hadir sama timbalannya, Tan Sri Muhyiddin Yassin, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Dr.

Koh Tsu Koon, Ketua Setiausaha Negara, Datuk Seri Dr. Ali Hamsa.

Perdana Menteri berkata, agenda seterusnya adalah program transformasi negara seperti Program Transformasi Kerajaan (GTP), Program Transformasi Ekonomi (ETP) serta Inisiatif Pembaharuan Strategik akan terus dilaksanakan kerana terbukti berkesan untuk pertumbuhan ekonomi negara.

Menurutnya, Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS), Pelan Tindakan Pendidikan, Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC), Pusat Transformasi Bandar (UTC), Pusat Panggilan Malaysia (IMCC) serta program baru yang akan dilan-

carkan tahun ini terkandung sebagai hala tuju kelima.

"Seterusnya, indeks prestasi utama para menteri dan kementerian dapat dicapai sepenuhnya serta yang ketujuh meneruskan penambahbaikan sistem penyampaian kerajaan berdasarkan tiga aspek iaitu cepat, tepat dan berintegriti," katanya.

Beliau turut mengingatkan warga penjawat awam agar menekankan kepada produktiviti kerana permulaan 2013 menunjukkan negara semakin hampir kepada garis penamat tahun keramat 2020, justeru kemampuan untuk berdaya saing perlu ditingkatkan.

"Berdasarkan kepada kejaya-

an yang kita capai pada 2012, kita buka lembaran baru 2013 ini dengan semangat produktiviti tinggi untuk bersama-sama jadikan 2013 ini sebagai tahun yang cemerlang dalam lipatan sejarah negara," katanya.

Beliau turut berpuas hati apabila Malaysia tersenarai sebagai negara ketiga terbaik dunia yang menjadi pilihan pesara.

"Ini bererti dunia mengiktiraf kestabilan dan keamanan negara serta kemajuan ekonominya, selain nilai wangnya yang satu per empat sahaja dibelanjakan untuk membeli barangan dan perkhidmatan berbanding nilai mata wang dolar," katanya.

NST 8/1/2013 ms 1

7 PRIORITIES

REDOUBLING EFFORTS:

Prime minister urges civil servants to serve the people better

ALANG BENDAHARA
PUTRAJAYA
alang@nst.com.my

PRIME Minister Datuk Seri Najib Razak yesterday listed seven areas for civil servants to focus on this year.

Speaking at the first monthly gathering of the Prime Minister's Department this year, he urged them to ensure the 2013 Budget was implemented smoothly by focusing on the national transformation agenda, which had a direct impact on the people.

This, he said, was in line with the budget's theme of "Prospering the Nation, Ensuring Well-being of the People: Promises Fulfilled".

Describing 2012 as a successful year for the government, Najib told civil servants that this did not mean they could rest on their laurels as they still had to work hard for the country to achieve the status of a developed and high-income nation.

"As a Malaysian race which aims for excellence, we must not be too comfortable or complacent even though we achieved many successes last year," he said.

- Implement efficiently 2013 Budget
- Strengthen national unity through 1Malaysia concept
- Manage economy for strong growth and fair distribution of wealth to people
- Continue national transformation agenda
- Implement National Blue Ocean Strategy, Malaysia Education Blueprint, Rural and Urban Transformation Centres and 1Malaysia For Youth
- Ensure the key performance indicators for ministers and ministries are met
- Continue improving the government delivery system based on speed, accuracy and integrity

MS 2 THE STAR 8/1/2013

PM: Make the impact felt

Seven priorities for civil servants to ensure people get the best of govt projects



Efficient delivery: Najib stressing a point in his message during his department's monthly assembly in Putrajaya. Looking on are Muhyiddin and the department's deputy senior chief secretary Datuk Othman Mahmood (left).

PUTRAJAYA: Civil servants have been given seven priorities this year to ensure that the people will enjoy the best of the Government's programmes including the promises in Budget 2013.

Prime Minister Datuk Seri Najib Tun Razak said these priority areas would ensure that the country's wealth was distributed fairly while making sure that the national transformation programmes continue to have positive impact on the life of the people.

- He listed the seven areas as:
- > strengthening national unity;
 - > managing the economy;
 - > on-time implementation of projects and assistance in Budget 2013;
 - > continuation of the national transformation agenda;
 - > implementation of the National Blue Ocean Strategy;
 - > achieving ministers' KPI in full; and
 - > further improving the delivery system.

The Prime Minister said national unity and identity would be strengthened through the 1Malaysia concept where everyone, regardless of their race and location, would feel the Barisan Nasional Government was a fair and inclusive government.

"All projects and financial assistance in Budget 2013 must be implemented according to schedule and the people must feel the impact. "While civil servants will be

receiving their half month's bonus this month, the distribution of financial aid including the (RM100) for school students and BR1M 2.0 (Bantuan Rakyat 1Malaysia) should not only be as scheduled but also to proceed smoothly," he said at the Prime Minister's Department's monthly assembly here yesterday.

Also present was Deputy Prime Minister Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Najib said that in managing the economy, the Government would

ensure a continued healthy growth and that the distribution of wealth to the *rakyat* is based on social justice.

"The national transformation agenda such as the GTP, ETP with its EPPs and the Strategic Reform Initiative will be continued.

"Programmes under the National Blue Ocean Strategy will be given priority while others including the National Education Blueprint will be implemented this year," he said.

Najib said the opening of more Rural Transformation Centres, Urban Transformation Centres and implementation of the 1M4U programme would also be emphasised.

As for civil servants, Najib said there should be a continuation on improving the government delivery system.

"It must be done based on three aspects - fast, accurate and with integrity," he said.

T/STAR PG 38 8/1/2013

More non-Malays in civil service

I WAS rather amused to read "More non-Malays apply to join civil service" (*The Star*, Jan 3).

The chairman of Public Service Commission (PSC) Tan Sri Mahmood Adam said more non-Malays are applying to join the civil service. It is an irony to say that the non-Malays are joining the civil service in recent times only.

In fact, there has always been interest among many non-Malays to join the Government, especially with the economic downturn in recent times.

Thousands of non-Malays have applied all these years to join the civil service, whether the local government or the Federal Government.

Their applications always did not receive attention as many of them were not even called for interviews by the PSC.

If there is an increase in interest among the non-Malays, it is a positive sign.

Then, the interest should be reflected in the number of non-Malay staff employed in the Government machinery. The increase in the recruitment of non-Malays should be in proportion to the Malay counterparts.

At times, when we drop in at any Government department or agency, we are surprised to see that the entire population of the staff is of only one race.

This contradicts the 1Malaysia concept promoted by our Prime Minister. Such an imbalance does not go well with the philosophy of the 1Malaysia concept.

Non-Malays should not only be recruited for the lower ranks but also at managerial positions. We need a balanced civil service in the Government machinery.

DR S. NATHE SAN
Muar